

Kedudukan Anwar semakin kukuh

POR T DICKSON

- Kedudukan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) semakin kukuh apabila seramai 120 daripada 140 ahli Majlis Pimpinan Pusat (MPP) parti itu bersepakat dengan resolusi untuk memberi sokongan penuh kepada kepimpinan beliau.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, resolusi bersama itu diputuskan selepas selesai Majlis Permukiman Pimpinan PKR di sini semalam.

Menurutnya, kesepakatan itu dicapai melibatkan pimpinan parti itu di seluruh negara termasuk anggota MPP, Ahli Parlimen, Senator dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Kita telah berbincang secara jujur, terbuka dan telah mencapai resolusi bersama. Program ini menjadi platform pimpinan bermuhasabah, menggilap kembali idealisme perjuangan; mengukuhkan disiplin dan perpaduan parti.

"Ia juga untuk menilai kembali rekod perkhidmatan selama setahun sebagai kerajaan Persekutuan. Kami bertekad mengukuhkan PKR sebagai parti tonggak nasional



SAIFUDDIN NASUTION

pelbagai kaum. Kita dengan ini memberikan sokongan sepenuhnya kepada presiden untuk memacu dan memimpin PKR menjadi tonggak Pakatan Harapan (PH)," katanya pada sidang akhbar selepas tamat

program Temu Rapat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR di sini semalam.

Sementara itu, seramai 20 pemimpin tertinggi PKR masih belum menandatangani resolusi menyokong Anwar.

Namun begitu, Anwar ketika mengulas perkata itu berkata, kesemua mereka itu harus diberi masa untuk membaca resolusi terlebih dahulu sebelum menandatangannya.

"Ini permukiman, yang hadir bincang dan tandatangan. Yang tak hadir, kita boleh tanya kemudian.

"Kita kena beri ruang kepada mereka untuk baca dulu. Beri ruang kepada yang tak hadir baca sama ada mereka bersetuju atau tidak," katanya.

Beliau juga tidak mahu berfikiran negatif mengenai dakwaan kononnya yang tidak menandatangani itu tidak menyokongnya.

"Biar positiflah, bagi ruang kepada mereka," katanya.